

Tumpu teknologi bina rel



Najib menyaksikan penyerahan sumbangan kepada tabung masjid daripada Bank Islam Malaysia Berhad.

ERMA YUSNIDA JUSOH

PEKAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) perlu menumpukan teknologi pembinaan rel kereta api berteraskan dengan projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang bakal dilancar September depan.

Universiti itu akan jadi pelopor pembangunan modul Program Latihan Kemahiran Industri ECRL membabitkan sesi pertama pengambilan seramai 300 pelajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau turut meletakkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) baharu yang perlu dicapai universiti teknikal itu selepas berjaya da-

lam membangunkan program berteraskan automotif sebelum ini.

"Projek mega seperti ECRL ini perlu sokongan daripada warga Malaysia yang dapat menyumbang segi kemahiran pembinaan dan penyelenggaraan rel kereta api."

"Buat masa ini, UMP dalam proses melatih kumpulan pelajar pertama iaitu seramai 300 pelajar dalam kursus berkaitan rel kereta api untuk tempoh enam bulan," katanya berucap pada majlis pelancaran pembinaan masjid UMP Kampus Pekan, semalam.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan menghadiri Majlis Raikan Syawal Perdana Menteri bersama

warga UMP dan Komuniti yang diadakan di Dataran Pusat Aktiviti Pelajar UMP Kampus Pekan.

Hadir sama, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Tan Sri Noorul Anuar Mohd Nur, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Najib berkata, melalui modul yang dibangun, ia menyediakan serta dapat meningkatkan kemahiran graduan tempatan untuk diambil bekerja kontraktor ECRL dan industri kereta api berteknologi ini.